



**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 FASA 1
BAGI TEMPOH 18 JUN SEHINGGA 28 JUN 2021**

**HEBAHAN MAKLUMAT
PELESENAN IMPORT DAN EKSPORT KAYU**

Hebahan ini merupakan lanjutan dari pengumuman yang dikeluarkan pada 14 Jun 2021 untuk digunapakai oleh industri dalam tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 Fasa 1, yang berkuatkuasa mulai 18 sehingga 28 Jun 2021. Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan pada 17 Jun 2021 adalah juga berkaitan.**

1. Selaras dengan saranan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 30 Mei 2021, semua Pejabat dan Kaunter Pelesenan MTIB ditutup sehingga 28 Jun 2021.
2. Permit eksport boleh dimohon kepada MTIB melalui sistem MCS seperti biasa, dan tertakluk kepada syarat berikut:
 - a) Permohonan permit adalah untuk konsignasi yang telah sedia untuk dieksport;
 - b) Kelulusan permit eksport adalah untuk tarikh pengeksportan dari 18 Jun 2021 sehingga 5 Julai 2021 sahaja;
 - c) Semua permit eksport wajib memohon pemeriksaan fizikal;
 - d) Lokasi pemeriksaan fizikal adalah di pelabuhan, gudang komersil atau premis yang mendapat kebenaran MITI atau PDRM;
 - e) Pengeksport perlu mengemukakan surat kebenaran Polis Diraja Malaysia (PDRM) (jika diminta).
3. Pelepasan konsignasi (*loading dan unloading*) oleh pengeksport dan pengimport yang telah mendapat kelulusan permit tertakluk kepada (SOP daripada MKN dan MOT) dengan syarat berikut:
 - a) Mendapat kebenaran PDRM di balai polis terdekat;
 - b) Waktu *loading dan unloading* dari jam 8:00 pagi sehingga 8:00 malam pada hari Isnin, Rabu, dan Jumaat sahaja; dan
 - c) Kebenaran bermula dari 18 Jun sehingga 28 Jun 2021;

4. Bagi aktiviti pengimportan, permohonan dengan dokumen yang lengkap perlu dikemukakan melalui email kepada pegawai di pejabat MTIB Wilayah yang berkenaan, untuk kelulusan dan pelepasan dengan syarat konsignasi telah sampai di pelabuhan atau pintu masuk, serta tertakluk kepada pemeriksaan fizikal oleh MTIB.
5. Kelulusan untuk permohonan pendaftaran baharu dan pembaharuan pendaftaran syarikat adalah ditangguhkan sementara, Namun permohonan boleh dikemukakan melalui sistem MCS dan kelulusan diberikan selepas tamat tempoh PKP.
6. Perubahan maklumat ke atas permit eksport yang telah diluluskan dalam tempoh 1 Jun sehingga 28 Jun 2021 adalah tidak dibenarkan. Sebarang tuntutan pemulangan ses/levi tidak akan dilayan.
7. Sebarang pertanyaan atau aduan boleh menghubungi talian berikut:

a). Unit Pendaftaran	Pn. Sh. Hasreena (013-2409481) dan Pn. Nurul Faezah (011-16379722);
b). Unit Pelesenan	Pn. Shahira (012-2614282) dan En. Ikhsan (019-5469944);
c). Unit Penguatkuasaan	En. Azro (019-3226048), En. Hanapi (019-3868552) dan En. Nordin (013-3620607).

BAHAGIAN PELESENAN DAN INSPEKTORAT
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)
Kemaskini 17 Jun 2021